



SIARAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

KEBAKARAN DAN LETUPAN DI PETRONAS PENGERANG INTEGRATED COMPLEX (PIC), PENGERANG TIDAK MENYEBABKAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR

18 MAC 2020, PENGERANG, JOHOR – Kejadian kebakaran dan letupan di PETRONAS Pengerang Integrated Complex (PETRONAS PIC), Pengerang, Johor yang berlaku pada jam 11.00 malam 15 Mac 2020, melibatkan fasiliti Diesel Hydrotreating Unit, di Refinery and Petrochemical Integrated Development (RAPID) didapati tidak menyebabkan pencemaran alam sekitar di kawasan yang terlibat.

Siasatan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Johor mendapati tiada kesan pencemaran, tiada asap kelihatan dari arah premis dan bau juga tidak dikesan dari kawasan premis yang terbakar serta tidak memberi kesan kepada penduduk dan orang awam berhampiran.

Punca kejadian masih dalam siasatan pihak PETRONAS dan pihak berkuasa. Pasukan Emergency Response Team (ERT) PETRONAS RAPID Pengerang telah diaktifkan serta-merta ke lokasi kejadian dan kebakaran telah padam sepenuhnya.

Pemantauan lanjut kualiti udara oleh JAS telah dijalankan di sekitar kawasan premis iaitu di Gate 2 PIC, Gate 3 PIC, Kampung Lepau dan Kuarters Guru Pengerang. Kawasan penerima sensitif yang terhampir ialah Kampung Lepau. Anggaran jarak Kg. Lepau ke lokasi kejadian ialah 2.17 km. Pemantauan kualiti udara ke atas pencemar udara dan gas organik meruap (*volatile organic gases*) mendapati bacaan adalah di bawah tahap yang boleh diterima dan selamat.

Pihak PETRONAS turut menjalankan pemantauan kualiti udara di kawasan sempadan di sekitar premis PETRONAS dan mendapati tiada gas merbahaya atau gas hidrokarbon dikesan. Pihak PETRONAS masih menjalankan pemantauan kualiti udara di kawasan tersebut.

-TAMAT-

Sebarang maklumat lanjut sila hubungi:

Dr Mohd Famey Bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor
Tel.: 019-220 9151/07-5500522 ext: 502

Emel: famey@doe.gov.my

Sharudin Rosli
Pegawai Perhubungan Awam, Jabatan Alam sekitar Putrajaya
Tel.: 012-3023864/03-88712371
Emel: sharudin@doe.gov.my

Dikeluarkan pada 18 Mac 2020, 11.00 malam.

Gambar-gambar pengawasan oleh JAS



Portable active sampler



Stesen pemantauan kualiti udara bergerak JAS



Pasukan safety, health & environment di lokasi insiden



Pegawai JAS membuat penelitian status kualiti udara